



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

✉ www.des.gov.bn

✉ ukpp.gov.bn

☎ 2387000 sambungan 3551

NOTIS TAWARAN JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA

JPE / AMSF / AUC / 02 / 25

EMPAT UNIT HVAC DAN AKSESORIS

DOKUMEN TAWARAN	PENYERAHAN DOKUMEN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN
Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas. ☎ 2387000 sambungan 216 – pengambilan borang tawaran 3551 – Tempahan Jadual Lawatan Pada hari dan waktu bekerja Hari Isnin – Khamis & Sabtu 8.00 – 11.00 (sebelah pagi) 1.30 – 3.00 (sebelah petang) HARGA BORANG BND \$10.00 TARIKH DIBUKAKAN ISNIN, 01 DISEMBER 2025	Peti Tawaran Lobi, Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Stor Utama Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja TARIKH TUTUP RABU, 31 DISEMBER 2025 JAM 3.00 PETANG	Pada hari dan waktu bekerja Hari Isnin – Khamis & Sabtu 9.00 – 11.00 sebelah PAGI sahaja Bertempat Bangunan pejabat Stesen Janakuasa Gadong 2 Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Batu Bersurat

SYARAT-SYARAT TAWARAN :-

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat swasta dan orang awam.
2. Peralatan-peralatan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
3. Caj borang tawaran jualan lelong secara sebut harga akan dikenakan dengan harga \$10.00 (Tidak Dikembalikan).
4. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah membuat pembayaran terlebih dahulu di Kaunter Pembayaran di Aras Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan borang boleh diambil di Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas.
5. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Stor Utama Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk "TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK" dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.
6. Tarikh tutup tawaran adalah pada (Hari RABU, 31 DISEMBER 2025, Jam 3.00 petang) dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan WANG TUNAI SAHAJA (Tidak Dikembalikan) dalam tempoh masa 07 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan/pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan. Jabatan ini tidak menerima pembayaran secara cek ataupun kad kredit.
8. Penender yang berjaya hendaklah MEMINDAHKAN peralatan-peralatan tersebut tidak lewat 28 (DUA PULUH LAPAN HARI) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan/kehilangan dalam tempoh tersebut. Jika Penender yang berjaya GAGAL MEMINDAHKAN peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan selepas membuat pembayaran, peralatan-peralatan berkenaan akan menjadi MILIK Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula barang berkenaan.
9. Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan / pemberitahuan.
10. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini adalah disarankan untuk membuat lawatan bagi pemeriksaan dan penelitian keadaan peralatan-peralatan yang ditawarkan. Pihak Penender bolehlah menghubungi Jabatan melalui telefon 2387000 No. sambungan 3551.